

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

PERAKUAN PENYELIA

Dengan ini disahkan bahawa latihan ilmiah yang berjudul:
"FALSAFAH HIDUP PENGARANG DALAM CERPEN-CERPEN MASTIKA 1950-1959"
oleh NORHAYATI BT. AHMAD , telah diperiksa selengkapnya dan
dinilaikan.

Rancangan Kesusastraan.

Tandatangan _____

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan.

Universiti Sains Malaysia.

(Nama Penyelia)

Tarikh: _____

FALSAFAH HIDUP PENGARANG DALAM

CERPEN-CERPEN MASTIKA

1950-1959

OLEH:

NORHAYATI BT. AHMAD

Latihan Ilmiah Untuk Keperluan Ijazah

Sarjana Muda Kesusastraan

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

Universiti Sains Malaysia

Pulau Pinang

Sidang Akademik 1983/84

untuk ayahandaku ahmad hj. hambali
dan bondaku sodah hj. hanafi yang
selama ini selalu mendoakan akan
kejayaanku.

semoga Allah Subhanahu wa' Taala
meredhai segala usahaku ini.

SINOPSIS

Cerpen dewasa ini merupakan satu bentuk Kesusa~~s~~teraan Melayu Moden yang terkenal sebagai sastera akhbar dan majalah. Bentuk ini telah lahir dalam tahun dua puluhan dan hingga kini telah mencapai setengah abad. Walaupun begitu bentuk begini masih tetap popular dan banyak dimuatkan dalam majalah dan akhbar yang merupakan dua wadah penampungan cerpen yang popular.

Dalam pengkajian ini saya akan mengkaji cerpen-cerpen dalam majalah Mastika dari sudut falsafah hidup pengarang. Saya akan membataskan waktu di antara tahun 1950 - 1959 yang merupakan tahun atau masa yang paling bersejarah dalam perkembangan Kesusa~~s~~teraan Melayu Moden kita kerana pada tahun inilah ditubuhkan Asas 50 yang memegang konsep "Seni Untuk Masyarakat". Tujuan saya memilih batas di antara 1950 - 1959 adalah untuk melihat falsafah hidup pengarang pada masa itu, adakah selaras atau tidak dengan konsep perjuangan golongan Asas 50 iaitu "Seni Untuk Masyarakat". Jadi pengkajian saya adalah cenderung untuk melihat peranan majalah ini dan hubungannya dengan falsafah pengarang pada dekad tersebut. Dalam meneliti cerpen-cerpen dalam jangka waktu itu memungkinkan kita untuk melihat beberapa hal yang menarik. Di atas dasar falsafah macam mana kah pengarang Melayu memandang hidup? Dan apakah tanggapan cerpenis-cerpenis Melayu terhadap karya yang mereka hasilkan?

Untuk menyenangkan pengkajian saya, saya membahagikan kepada beberapa bab. Dalam bab 1, saya menyentuh serba sedikit tentang konsep cerita pendek dan perkembangan majalah Mastika dalam tahun lima puluhan jika dibandingkan dengan majalah-majalah semasa yang lain seperti Kencana, Mutiara, Juita dan Majlis.

Dalam bab 11, yang merupakan bab yang penting sekali kerana di sinilah intipati pengkajian saya, saya akan memperlihatkan pemikiran pengarang yang condong ke arah negatif dalam soal-soal yang meliputi sosial, politik dan agama.

Dalam bab 111 pula yang merupakan isi yang kedua terpenting, saya akan hubungkaitkan falsafah hidup dari pihak yang positif pula. Falsafah hidup yang positif ini juga saya pandang dari aspek sosial, politik, agama dan beberapa aspek yang lain jika ada, yang akan saya turut bicarakan.

Bab IV merupakan bab kesimpulan di mana saya akan membuat kesimpulan terhadap segala yang saya kaji tadi dan dalam bab ini saya akan cuba memasukkan beberapa pendapat cerpenis atau penyelia majalah Mastika tentang perkembangan majalah Mastika dari dahulu hingga sekarang.

Dari segi bilangan cerpen yang saya akan kaji ini, agak banyak juga iaitu lebih kurang lapan puluh buah cerpen.¹ Tetapi dalam kajian ini saya akan hanya memilih beberapa

¹ Lihat Lampiran 1.

buah cerpen yang pada anggapan saya adalah cerpen-cerpen yang bermutu dan yang terdapat falsafah-falsafah yang ingin saya kaji nanti.

Dalam hal mengkaji cerpen ini juga mendatangkan sedikit masalah kerana cerpen-cerpen yang diterbitkan pada tahun lima puluhan ini terdapat dalam bahasa Jawi. Jadi dalam hal ini agak memakan masa sedikit untuk memahami satu-satu cerpen itu. Walaupun begitu, alhamdullilah saya bersyukur kerana telah berjaya memahami dan mengikuti cerita itu hingga selesai.

PENGHARGAAN

Bismilla hirrahma nirrahim

Alhamdulillah, syukur saya kepada Allah Subhanahu wa' Taala kerana dengan limpah kurniaNya, saya telah berjaya menyempurnakan latihan ilmiah ini.

Di sini saya mengambil kesempatan untuk menyampaikan ucapan terima kasih saya yang tidak terhingga kepada Dra. Nur'Ainy Ali yang telah mengambil alih tugas penyeliaan dari Puan Fatimah Busu yang telah pergi cuti belajar. Beliau telah bersusah payah meluangkan masa membantu, menyemak dan menasihatkan saya dalam menjayakan tesis saya ini. Tanpa pertolongan dan kerjasamanya mungkin saya tidak dapat menyelesaikan kajian ilmiah saya ini dengan sempurna.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan pada pihak Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Awam Negeri Kedah dan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka kerana kerjasama mereka bagi saya mendapatkan micro-filem dan majalah yang ingin saya kaji.

Selain daripada itu saya rakamkan rasa terima kasih saya yang tidak terhingga kepada orang-orang perseorangan dan juga beberapa orang cerpenis yang saya temui untuk mendapat pendapat mereka yang di sini saya tidak dapat sebutkan nama mereka kerana terlalu ramai.

Kerjasama, bantuan dan sumbangan ikhlas yang telah

diberikan oleh semua pihak di atas, sangat saya hargai dan disanjung tinggi. Allah sajalah yang tahu bagaimana besar hati dan bersyukurnya saya di atas pertolongan pihak-pihak tadi.

Terima kasih.

Wassalam.

Norhayati Binti Ahmad.

Universiti Sains Malaysia.

Februari 1984.